



29 Julai 2016
29 July 2016
P.U. (A) 215

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 4) 2016

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 4) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 4) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 4) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung proviso (xxxv) dengan koma bernoktah; dan

(ii) dengan memasukkan selepas proviso (xxxv) proviso yang berikut:

“(xxxvi) di PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas Satu (PFLNG-1), Kluster Kumang Medan Kanowit, Bintulu, Sarawak, waktu-waktu itu adalah—

pada setiap masa pada mana-mana hari.”; dan

(b) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung proviso (xxxiv) dengan koma bernoktah; dan